

Lawatan Mahathir ke AS tingkat

PH - 4 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lawatan kerja tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat bermula 13 Mei ini, akan meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Perdana Menteri dan Presiden George W Bush juga dijangka membincangkan pelbagai isu membabitkan kepentingan kedua-dua negara, termasuk isu keganasan antarabangsa dan perdagangan di Palatin.

Beliau berkata, perbincangan kedua-dua pemimpin itu merangkumi pelba-

gai bidang dalam usaha untuk meneruskan hubungan baik Malaysia-Amerika.

"Kedua-dua negara berminat untuk menjalin hubungan lebih erat bukan saja dalam bidang ekonomi dan pelaburan, malah dalam pelbagai dimensi.

"Kita percaya semua program yang diatur dan dipersetujui kedua-dua negara akan memanfaatkan kedua-dua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Mahligai Rohani Islam di Muzium Kesenian Islam di sini hari ini.

Syed Hamid berkata, sebagai negara membangun yang memimpin Sidang Ke-

muncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Sivilisasi Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Perdana Menteri juga dijangka menyuarakan pandangan negara membangun berhubung isu berkaitan.

Dalam lawatan kerja tiga hari itu, katanya, Perdana Menteri dan delegasi, yang terdiri daripada beberapa menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan, juga akan mengaclarakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Amerika, Collin Powell.

Selain itu, katanya, program turut diatur dengan Pengerusi Bank Rizab Antarabangsa dan Majlis Per-

niayaan Amerika-Asean.

Mengulas isu perebutan Pulau Suvadana dekat Sabah, beliau berkata, Malaysia akan menerima sebarang keputusan yang ditetapkan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung kes berkenaan.

"Kedua-dua negara sudah berjanji menerima apa jua keputusan ICJ apabila kes ini dirujuk ke Mahkamah berkenaan.

"Kita yakin ICJ akan dapat menyelesaikan masalah ini," katanya.

Sementara itu, Duta Besar Amerika ke Malaysia, Marie T Huhtala, berkata isu keganasan adalah topik utama yang akan dibin-

hubungan dua hala

cangkan pada pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Huhtala berkata, Amerika amat berterima kasih dengan Malaysia yang memberi kerjasama dalam menangani masalah keganasan antarabangsa, khususnya selepas insiden 11 September lalu.

"Kita berharap kerjasama ini akan berterusan dan dipertingkatkan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, dengan masyarakat Islam-Amerika yang mencah enam juta ketika ini, mereka turut menyumbang kepada pembangunan Amerika dalam pelba-

gai cara.

Beliau berkata, hakikat itu memberi peringatan kepada pelbagai pihak bahawa perbezaan etnik dan agama tidak seharusnya membezakan sesuatu kelompok masyarakat.

"Dengan persefahaman antara semua pihak, kita yakin semua orang dapat hidup dengan aman dan damai," katanya sambil menambah lebih 1,200 masjid dibina di Amerika dengan lebih 60 peratus daripadanya dibina dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini.

Sementara itu, Mahligai Rohani Islam adalah sebuah pameran bergerak antarabangsa yang dipin-

jamkan oleh Georgetown Design Group Inc (GDG), Washington DC, yang mempersembahkan 33 lakaran grafik masjid termasyhur di seluruh dunia. Karya Al-Abdullah Wahbi Al-Hariri Rifai.

Antara masjid yang terpilih untuk dilakarkan ialah Masjid Kampung Kling di Melaka, yang dibina pada 1748.

Presiden GDG, yang juga anak Wahbi, Dr Mokhless Al-Hariri Rifai, berkata pemilihan masjid itu dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu bangunan bersejarah dan dibina berku-run lamanya, ada nilai estetik dan kebudayaan sesuatu tempat serta unik.